

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDIES FERTILISERS REPACKED AND RESELL, NATION, SIN CHEW DAILY -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3.	CUACA PANAS MELAMPAU JEJAS TANAMAN DUSUN, NEGARA, KOSMO -14 DUSUN BUAH TERJEJAS CUACA PANAS, MY METRO -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6. 7.	OPERASI KILANG BERAS SEMAKIN TENAT, SH -ONLINE PECAH MONOPOLI BERNAS PERLU STRATEGI, SH -ONLINE RICE MILLERS AT WITS' END OVER BERNAS' MONOPOLY, NEWS, EDGE MARKETS -10 RICE MILLERS AT WITS' END OVER BERNAS' MONOPOLY, NEWS, KL SCREENER -10	BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB) / BERNAS
8. 9.	BUKA PELUANG BERNIAGA PASAR TANI, FORUM, UM -18 JOBS MALAYSIA DI CAPE FEST POLITEKNIK MUADZAM, TENGAH, SH -17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	30,000 BIJI TELUR GRED A DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -8	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Subsidies fertilisers repacked and resell		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	17	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,128



总值15万令吉的33公吨肥料和100公吨稻苗被充公

仓库内发现津贴肥料，疑业者重新包装再以高价售出

津贴肥料重包装高价卖 业者遭取缔起15万肥料稻苗

（亚罗士打7日讯）仓库业者购买津贴肥料重新包装，以更高价售出赚取牟利被识破，被执法单位起获总值15万令吉的33公吨肥料和100公吨稻苗。

吉打州反贪会、吉打州贸易局和农业及农基工业部联手出击，从昨午4时至晚上10时展开取缔行动，并在吉打十字港一货仓内起获大批非法售卖津贴肥料和稻苗的仓库。

吉打州反贪会主任沙哈伦今日在文告中说，各单位共派出19名执法人员展开取缔行动。遭取缔的仓库业者被发现没有

售卖肥料的执照，且仓库内也存有津贴肥料。

他说，仓库业者收购津贴肥料后重新包装，再以高价卖出赚钱。被充公的33公吨肥料估价5万3000令吉，以及100公吨稻苗估价9万7000令吉。

他说，该仓库业者已被录取口供，且将在1974年统制品条例第3(1)条文和1994年稻田及白米控制法令下接受调查。

他也说，在整个取缔过程中，并没有涉及任何贪污行为。

Cuaca panas melampau jejas tanaman dusun

JITRA - Cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini turut memberi kesan kepada pemilik dusun buah-buahan apabila kebanyakan pokok yang ditanam kering dan layu.

Pemilik dusun di Kampung Padang Panjang dekat sini, Bai Haki Saad, 48, berkata, dia membelanjakan hampir RM5,000 untuk membeli pam air bagi membekalkan air ke setiap pokok ditanam sepanjang musim panas ini.

"Saya dan pemilik ke-

bun lain juga terpaksa uruskan dusun dengan lebih masa dan mengeluarkan kos tambahan untuk penjagaan bagi mengelak tanaman seperti pokok durian yang telah mengeluarkan hasil dan baru ditanam mati.

"Ketika ini pun ada beberapa jenis pokok seperti rambutan dan dokong telah kecut serta mati sebab panas terik dan bahang yang kuat," katanya semalam.

Bai Haki berkata, bagi memastikan semua



AMRAN menyiram air pada pokok durian di kebunnya di Kampung Biak. Jitra bagi mengelak tanaman itu kering dan mati.

tanamannya mendapat air yang mencukupi, dia menyiram lebih kerap pada waktu pagi dan petang.

Pemilik dusun di Kampung Biak dekat sini, Amran Ismail, 40, pula berkata, keadaan sama pernah berlaku lima ta-

hun lalu dan sebahagian pokok di dusunnya mati sehingga menjejaskan pendapatannya.

Amran berkata, setiap hari dia akan menyedut dan mengalirkan air menggunakan pam dari parit berdekatan ke kawasan dusun durian seluas lebih tujuh hektar itu.

Sementara itu, Pengerah Jabatan Pertanian Kedah, Eliyas Saad berkata, pihaknya membuat pemantauan pada setiap hari di sekitar kawasan dusun serta la-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2019	MY METRO	ONLINE	

Dusun buah terjejas cuaca panas



CUACA panas yang melanda negeri di utara ketika ini turut memberi kesan kepada pemilik dusun buah-buahan apabila pokok yang ditanam mulai layu dan memerlukan penjagaan yang teliti.

Justeru ia menuntut masa petani dengan lebih lama selain terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk membekalkan air ke setiap pokok.

Bagi pemilik dusun di Kampung Padang Panjang, Malau di Jitra, Bai Haki Saad, 48, dia sudah mengeluarkan modal sebanyak RM5,000 bagi membeli paip dan pam untuk

memastikan pokok buah-buahan itu dapat bertahan sebelum bermulanya musim buah yang dijangka pada penghujung Jun ini.

Katanya, dia mulai bimbang sekiranya bahang berterusan akan menjejaskan hasil buah-buahan di tanah seluas tujuh hektar.

"Ada beberapa pokok sudah kecut akibat cuaca panas, antara pokok yang ada di dusun ini adalah durian, dokong, manggis, langsung, cempedak dan petai.

"Setiap 0.28 hektar ataupun serelung mengeluarkan hasil kira-kira dua tan, air di sungai juga semakin surut sehingga bekalan air kurang memuaskan dan perlahan, kadang-kadang saya perlu berada di dusun sehingga malam bagi memastikan setiap pokok dapat disiram,"katanya.

Sementara itu, bagi pemilik dusun di Kampung Biak, Jitra, Amran Ismail, 40, pengalaman lima tahun lalu akibat cuaca panas menyebabkan separuh daripada pokok durian yang ditanam mati.

Katanya, dia kini lebih berhati-hati dan terpaksa menyiram kira-kira 100 pokok durian di tujuh hektar dusun setiap pagi dan petang.

"Saya sendiri turut membeli pam walaupun air di parit semakin cetek, pada 2014 akibat tiada pam serta musim panas yang berpanjangan hampir empat bulan, separuh pokok durian saya mati dengan kerugian ribuan ringgit.

"Saya mohon supaya Jabatan Pertanian dapat memberi perhatian kepada nasib pemilik dusun di sekitar Malau ini, kira-kira 200 hektar dusun di sini akan terjejas jika musim panas ini berlarutan.

"Harap mereka dapat memantau dan memberi khidmat nasihat serta bantuan seperti pam air, dusun buah-buahan di sini sangat terkenal dan sering menjadi perhatian pengunjung serta pemborong seluruh negara, jika hasil buah kurang, pendapatan kami juga akan turut terjejas,"katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Eliyas Saad, berkata, pihaknya membuat pemantauan setiap hari di sekitar kawasan dusun buah-buahan mahupun ladang tanaman lain.

Katanya, musim panas yang berlaku kini seperti bencana yang perlu dilalui oleh pemilik dusun berikutan sumber air mereka sangat terhad dan terpaksa bergantung kepada air yang dipam dari sungai atau parit.

"Bagaimanapun, pihak saya mencadangkan beberapa kaedah bagi memastikan pokok yang ditanam dapat bertahan iaitu dengan cara serkupan panas menggunakan daun-daun kering yang perlu dikumpulkan di tepi perdu pokok dan disiram.

"Daun-daun itu akan melembapkan kawasan tanah pada pokok, cuma mereka dinasihatkan menyiram pokok di awal pagi dan lewat petang sahaja.

"Selain itu pemilik dusun boleh membeli sejenis jeli silikon dari kedai yang menjual bahan pertanian yang berfungsi untuk memegang dan melepaskan air secara perlahan-lahan, ia akan memastikan akar pokok menyerap air secara berpanjangan,"katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Operasi kilang beras semakin tenat



ALOR SETAR - Kerajaan disaran mewujudkan sebuah jawatankuasa khas yang berkecuali bagi memastikan kelangsungan operasi kilang beras yang semakin tenat akibat monopoli Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Yang Dipertua Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Mohamad Termizi Yop berkata, terdapat hanya 15 kilang bumiputera yang masih wujud berbanding 203 kilang sebelum ini.

Menurutnya, namun pengilang beras Melayu yang masih beroperasi menanggung beban hutang dengan pihak bank malah terdapat pengilang berdepan kes mahkamah.

"Jualan beras kilang swasta kepada Bernas adalah sebanyak RM2,000/tan sedangkan kos ditanggung kilang adalah RM2,080/tan, kami tanggung kerugian dan terpaksa pula berhutang untuk terus beroperasi," katanya, pada sidang media

di Pejabat PPBMM, hari ini.

Mohamad Termizi berkata, jawatankuasa terbabit perlu menyiasat secara telus monopoli Bernas yang didakwa menindas pengilang swasta lain.

"Kini hanya terdapat lapan kilang beras Melayu di Kedah, empat di Perlis dan tiga di Perak. Kami jangkakan ada lagi beberapa kilang akan ditutup secara berperingkat hujung tahun ini kerana masalah sama," katanya.

Menurutnya, pengilang beras seolah tiada tempat untuk mengadu dan berharap kerajaan PH membantu memulihkan nasib mereka.

Mohamad Termizi berkata, pihaknya sudah mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada September lalu untuk mengetengahkan masalah dialami, namun sehingga kini tiada maklum balas.

"Kami juga merayu agar kementerian tidak hanya dengar sebelah pihak, sebab itu kami mohon diwujudkan jawatankuasa khas berkecuali bagi tangani isu ini secara menang-menang," katanya.

Pada 22 Januari lalu, Salahuddin berkata, kerajaan tidak akan tergesa-gesa membuat keputusan berkenaan monopoli Bernas memandangkan kontraknya tamat pada 2021.

Katanya, Kabinet telah bersetuju untuk memecah monopoli Bernas dan satu jawatankuasa khas diketuai Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali terdiri daripada lapan kementerian akan merencanakan model baharu menggantikan Bernas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pecah monopoli BERNAS perlu strategi



KETIKA negara berkira-kira memantapkan sektor pertanian khususnya dalam memastikan soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara terpelihara, timbul hasrat memecahkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Kerajaan membayangkan membuka 30 peratus monopoli BERNAS kepada pemain industri padi dan beras tahun depan, memberi gambaran penguasaan total syarikat berkenaan bakal ditamatkan.

Menamatkan monopoli BERNAS nampak mudah, namun melaksanakannya memerlukan pendekatan terperinci. Kedudukan serta fungsi BERNAS sebagai penjaga industri padi dan beras tempatan perlu diambil kira, kerana soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara turut dipertaruhkan.

BERNAS diswastakan 1 Januari 1996, secara dasarnya mengambil alih peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Ia menyelenggara dan mengurus stok penimbang negara, membeli padi daripada petani dengan harga minimum dan terjamin, serta bertindak sebagai pembeli terakhir petani. BERNAS juga mengurus pembayaran subsidi kepada petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi, selain menguruskan skim pengilang Bumiputera.

Logiknya perubahan pada kedudukan BERNAS dalam industri, mungkin menyebabkan rantai sektor dibentuk sekian lama terganggu. Semua pemegang taruh meliputi broker, pembeli, pengilang, pemborong, peruncit dan penting sekali petani, akan menerima impak.

Elak industri huru-hara

Rakan rapat dengan BERNAS mengakui monopoli sektor padi dan beras sebenarnya bertitik tolak pada era 1970-an ketika industri masih di bawah LPN. Jadi pelik juga apabila alasan monopoli digunakan untuk mewajarkan langkah terkebelakang, mengembalikan LPN seperti dituntut sesetengah pihak.

Apa pun aspek positif monopoli tidak boleh dipandang sepi. BERNAS berperanan sebagai pengimport besar, selain pembeli dan pembekal utama industri. Ia bukan usaha sehari dua dan kekuatan ini memberi 'kuasa' kepada BERNAS mengawal harga belian beras, yang turut memberi kesan positif kepada industri.

Jika ia begitu positif, kenapa monopoli ini hendak dipecahkan? Ramai berteka-teki, namun andaian tindakan itu bukan kerana syarikat, sebaliknya lebih disebabkan 'individu' yang memonopoli melalui BERNAS agak menarik.

Apa pun andai monopoli BERNAS dipecahkan, strateginya perlu tepat bagi mengelak industri padi dan beras negara huru-hara. Bercakap soal strategi, dua kemungkinan wajar diambil kira.

Monopoli andai dikekalkan tidak boleh lagi dimiliki individu, sebaliknya dikuasai kelompok umum sama ada meletakkan kuasa itu di bawah kerajaan atau melalui syarikat strategik. Contohnya Khazanah Nasional Berhad atau Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Pilihan pertama sedikit sangsi kerana kerajaan tidak begitu bagus berniaga. Rekod LPN menjadi bukti sehinggakan wujud ramai pemborong beras, menyebabkan aspek kawal selia gagal. Pilihan kedua lebih realistik. Melaluinya keuntungan diperoleh bukan lagi dikuasai individu, sebaliknya membabitkan kumpulan dengan dikendalikan secara efisien kelompok profesional.

Status pengimport tunggal

Logiknya pengendalian status pengimport tunggal melalui monopoli memudahkan kawal selia kemasukan beras import agar tidak berlaku lambakan.

Memecah monopoli BERNAS sepenuhnya dan beralih kepada pasaran terbuka, cukup berisiko kerana mengundang bencana besar apabila semua pihak dibenar mengimport beras. Natiujahnya masalah pemantauan akan timbul dan kemasukan beras import tidak terkawal. Ini akan mengancam sektor padi tempatan, khususnya dalam soal persaingan harga.

Jadi pilihan terakhir melalui konsep separa terbuka, di mana lesen import diberi kepada beberapa pemain industri dalam jumlah terhad. Ini lebih sesuai kerana mewujudkan persaingan dalam pasaran, pada masa sama masih terkawal.

Difahamkan ketika ini empat model baharu dikemukakan dan jawatankuasa khas dianggotai lapan kementerian diketuai Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, bertanggungjawab menilai yang terbaik.

Apa pun konsep dipilih, sasarannya bukan sekadar memastikan pertimbangan dibuat tidak mendatangkan kesan kepada industri, terutama 150,000 petani yang selama ini dibela BERNAS, tetapi lebih penting memastikan soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara terus dipelihara.

Di sebalik isu monopoli, industri padi dan beras negara sendiri harus berubah. Dari segi perbandingan, kos pengeluaran beras Malaysia sekian lama paling tinggi dibandingkan Thailand dan Vietnam. Agak pedih dikatakan, namun hakikatnya berapa banyak pelaburan disalurkan kerajaan setiap tahun baik dalam bentuk insentif atau subsidi, untuk membantu petani dan industri.

Pendekatan sebegini harus berubah. Kaedah penanaman lebih terancang khususnya dalam bentuk estet dengan pengurusan sistematik perlu digembleng. Ia bukan sahaja meminimumkan kos, tetapi lebih utama produktiviti sehektar juga meningkat

Headline	Rice millers at wits' end over Bernas' monopoly		
MediaTitle	Edge Markets (www.theedgemarkets.com)		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Rice millers at wits' end over Bernas' monopoly

ALOR SETAR (March 7): The Malay Rice Millers' Association of Malaysia have urged the Government to be more concerned about their operations which are now becoming increasingly difficult, besides being forced to face various crises due to the monopoly of ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Rice millers at wits' end over Bernas' monopoly		
MediaTitle	KL Screener (https://www.klscreener.com)		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Rice millers at wits' end over Bernas' monopoly

ALOR SETAR (March 7): The Malay Rice Millers' Association of Malaysia have urged the Government to be more concerned about their operations which are now becoming increasingly difficult, besides being forced to face various crises due to the monopoly of ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Buka peluang berniaga pasar tani

SAUDARA PENGARANG,

SUDAH sampai masa pasar tani dinaikkan taraf serta diperluaskan lagi ruang dan peluang peniaga bumiputera kecil-kecilan. Untuk permulaan ia dibuka di lokasi sedia ada pada setiap Sabtu dan Ahad seawal 7 pagi hingga lewat petang.

Konsep perniagaan terbuka dikekalkan tetapi diberi penambahbaikan antaranya saiz lot lebih luas dan teratur untuk memberi galakan kepada bumiputera untuk berniaga secara kecil-kecilan.

Ini adalah salah satu cara untuk menggalakkan lebih ramai bumiputera menceburi bidang perniagaan khususnya golongan belia. Di samping itu, kita tidak lagi meragui tentang status halal makanan atau barangan yang dihasilkan peniaga bumiputera

asalkan mereka mengeluarkan sendiri produk masing-masing.

Ada dua kaedah boleh dilaksanakan iaitu pasar tani biasa seperti di taman-taman perumahan atau pasar tani mega di lokasi-lokasi tertentu mengikut keadaan dan kepadatan penduduk serta berpotensi untuk menghidupkan dan memajukan kawasan berkenaan.

Selain itu, kemudahan seperti tandas awam, tempat buang sampah dan surau dibina berdekatan tapak pasar tani. Peniaga juga diminta mempelbagaikan barangan jualan masing-masing, tidak semestinya barangan basah seperti ikan atau hasil laut lain serta sayuran sahaja.

Tiada had kepada sesiapa juga hendak berniaga asalkan warganegara Malaysia dan

bumiputera sahaja.

Diharapkan juga semua peniaga pasar tani ini dikecualikan apa-apa bayaran sewa dan segala tanggungjawab memantau dan menguruskannya terserah kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Dari aspek kebersihan, peniaga perlu bertanggungjawab dengan membersihkan premis masing-masing selepas habis berniaga. Jasa baik pegawai penguat kuasa PBT juga dipohon supaya melonggarkan syarat dan tidak terlalu mengetatkan peraturan.

**SYED ABDULLAH
SYED OSMAN**
Ampangan, Seremban

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2019	SINAR HARIAN	TENGAH	17

Jobs Malaysia di Cape Fest Politeknik Muadzam

KUANTAN - Para pelajar boleh membuat persediaan diri dalam memenuhi pasaran kerja masa depan, menerusi Kembara Kerjaya 3.0 yang akan singgah di Cape Fest 2019, di Politeknik Muadzam Shah, 9 Mac nanti.

Timbalan Pengarah Akademik dan Industri Politeknik Muadzam Shah, Dr Abd Rahim Awang berkata, Kembara Kerjaya anjuran Jabatan Tenaga Kerja Pahang (JTKP) dan Pusat JobsMalaysia Pahang (JMC) akan mendedahkan para pelajar untuk menelusuri realiti sebenar dunia pencarian pekerjaan.

Menurutnya, hal ini sekali gus membantu pelajar untuk mempersiapkan diri menjadi graduan yang berkualiti dan diburu majikan.

"Cape Fest 2019 bertemakan Journey To Success merupakan kerjasama Unit Corporate Industrial Services and Employability Centre (CISEC) bersama Alumni, Psikologi dan Keusahawanan Politeknik Muadzam Shah.

"Antara pengisiannya adalah bicara alumni; bicara kerjaya uper; bicara akademik pameran



Dr Abd Rahim (tengah) pada sidang media Cape Fest 2019 dan Kembara Kerjaya 3.0 JKTP dan Jobs Malaysia Pahang.

jualan dan socialpreneur serta dialog bersama industri daripada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau Fama dan Transair Academy International Sdn Bhd.

"Kembara Kerjaya 3.0 kelolaan Jobs Malaysia akan singgah di Cape Fest bagi mengendalikan temuduga kerjaya pada 9 Mac nanti," katanya selepas menandatangani Nota Kerjasama Strategik antara Politeknik Muad-

zam Shah dan JobsMalaysia Pahang di Pusat Transformasi Bandar UTC di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Program Kembara Kerjaya, Haris Fadillah Hassan dan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Pahang (JTKP), Pazman Che Husin. Program tersebut katanya sebagai platform terbaik bagi memberikan dan menyebarkan maklumat kepada calon mahasiswa sekaligus meningkatkan aksesibiliti dan ekuiti pengajian tinggi.

KPDNHEP serbu kilang pengeluar telur ekor an aduan kenaikan harga sejak Disember 30,000 biji telur gred A dirampas

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

ALOR GAJAH - Sebanyak 30,000 biji telur gred A bernilai kira-kira RM10,000 dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam serbuan ke atas sebuah kilang pengeluar telur yang dikesan menjual pada harga tidak munasabah di sini semalam.

Ketua Seksyen Bekalan dan Harga Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Abd. Hafidz A. Ralim berkata, serbuan kira-kira pukul 11 pagi itu dibuat hasil aduan orang ramai berhubung harga telur yang meningkat sejak Disember lalu.

Menurutnya, aduan diterima pihaknya merapati telur ayam



ABD. HAFIDZ (dua dari kanan) menunjukkan telur gred A yang dirampas daripada sebuah kilang di Durian Tunggal, Alor Gajah semalam.

gred A dijual pada harga borong 40 sen sebiji berbanding kira-kira 30 sen sebelum itu.

"Hasil pemeriksaan dan serbuan dokumen dilakukan ke

pas sebanyak 30,000 biji telur bernilai kira-kira RM10,000 untuk siasatan lanjut dan tindakan diambil mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Diutamakan kilang yang telah beroperasi selama lima tahun di Durian Tunggal di sini itu mengeluarkan lebih 1 juta telur sehari dan diecarkan kepada rangkaian pemborong termasuk domestik dan luar negara.

Abd. Hafidz, walaupun telur hanya tersenarai sebagai barang kawalan pada musim perayaan, pertara itu tidak membolehkan pengeluar atau pembekal menggunakan harga tidak munasabah.

"Sejak operasi Fasa I dilakukan pada 7 hingga 14 Disember lalu,

INFO

Harga Runcit Telur Ayam di Pasaran

GREED	HARGA (Sen/Biji)
AA	41 sen
A	40 sen
B	39 sen
C	38 sen
D	36 sen
E	34 sen

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

sebanyak lapan pengeluar telur di Melaka dan satu di Kuala Lumpur diambil tindakan atas Akta Pencatutan," katanya.